

# DARI SEBULAN KE SEBULAN

Di dalam kenyataan Jabatan Kesihatan Bandaran Singapura telah diberi angka-angka yang menunjukkan bahawa tiap-tiap seribu kanak-kanak Melayu yang dizahirkan yang mati lebih daripada seratus orang berbanding dengan 56 orang yang mati bagi lain-lain bangsa. Terbit daripada kenyataan itu maka berbagai-bagai fikiran telah diberi di dalam akhbar daripada lingkungan orang-orang Melayu sendiri yang di antaranya menyatakan bahawa sebab-sebab bagi kematian itu ialah kerana “pokok-pokoknya muda” yakni kebanyakan daripada mereka itu kahwin muda.

Alasan yang diberi ini, seolah-olah sebagai suatu tempelak bahawa di dalam lingkungan Islam umumnya mengahwinkan anak “di bawah umur”. Alasan ini oleh sebahagian pihak tidak boleh diterima kerana ada sebab-sebab lain yang lebih *ma’qūl*. Umumnya kehidupan kita orang Melayu di dalam keadaan tidak berapa mampu makan orang-orang kita tidak berapa dipedulikan sangat; (tidak dikawal) terutamanya di dalam masa hamil. Yang demikian ini berlaku kebanyakannya kerana kelemahan ekonomi orang-orang kita sedang lain-lain bangsa, orang-orang Cina umpamanya, mereka dalam masa itu lebih mengutamakan makanan-makanan yang dipandang perlu untuk keselamatan diri dan anak yang dikandungnya.

Selain daripada itu, sudah pada umumnya, bagi bangsa lain itu gemar beranak di rumah-rumah sakit daripada di rumah sendiri. Mereka gemar di sana kerana yang utamanya tidak payah menjaga anaknya – yang keduanya mereka sudah mengerti bagaimana mustahaknya beranak di rumah sakit itu juga terjadi perkara-perkara yang bakal membawa kerosakan kepada diri dan anak-anaknya kerana doktor-doktor sentiasa ada di sisi mereka setiap saat. Sedang orang-orang kita, juga

dibanding dengan lain-lain bangsa, adalah jauh sekali daripada itu – mereka lebih gemar beranak di rumah, daripada di rumah sakit – yang tidak jarang, kerana kurang kawalan baharu sehari dua sahaja anak zahir kesihatannya rosak – dan harus membawa umur serta ibunya kurang sihat beberapa lamanya. Jadi terang sudah bahawa alasan kahwin di bawah umur tidak jadi kuat hujahnya kerana bangsa lain juga (terutamanya Cina) banyak kahwin di bawah umur sedang anak-anak mereka sihat-sihat belaka.

\* \* \*

Tengku Abdul Rahman dengan rombungannya telah balik semula ke Malaya setelah berunding dengan setiausaha tanah jajahan British. Tengku Abdul Rahman telah berhasil menetapkan waktu merdeka bagi Persekutuan Tanah Melayu di dalam Commonwealth “sebolehnya” pada 31 Ogos 1957, ertiinya jika boleh dan keadaan-keadaan membenarkan bahawa 31 Ogos 1957 Persekutuan Tanah Melayu akan menjadi sebuah negeri yang berkerajaan sendiri dan merdeka di dalam Commonwealth.

Kerajaan British dan kerajaan *Federation* akan membuat segala ikhtiar yang boleh supaya kehendak itu dapat ditunaikan. Kerana itu satu suruhanjaya perlembagaan yang bebas akan dilantik seberapa cepat yang boleh, dan suruhanjaya ini akan bekerja membentuk satu perlembagaan yang akan menjadikan *federation* negeri yang berperintahan sendiri dan merdeka.

Tenku Abdul Rahman telah mendapat segala yang dituntut olehnya, kecuali bantuan wang daripada British apabila *Federation* berdiri atas kakinya sendiri kelak.

Akan tetapi kerajaan British akan memberi bantuan jika *Federation* mustahak kepada bantuan wang kerana perbelanjaan memerangi penganas komunis. Pihak British berhujah bahawa berkerajaan sendiri itu bermakna bergantung kepada diri sendiri.

\* \* \*

Perubahan-perubahan yang akan berlaku sebagai hasil rundingan di London itu, sesudah dipersetujui dengan rasmi oleh Queen dan majlis Raja-raja, ialah:

Jawatan Ketua Menteri akan ditulis dalam perjanjian *Federation*.

Pesuruhjaya tinggi akan membuat sesuatu menurut nasihat Majlis Mesyuarat Kerja. Jika ia tidak bersetuju akan berunding dengan setiausaha tanah jajahan sesudah ia memberitahu hajatnya itu kepada Ketua Menteri.

Penasihat British (*British Advisors*) akan ditarik dalam masa setahun dengan persetujuan Raja-raja Melayu. Berkenaan dengan ini mustahak pindaan dibuat dalam perjanjian-perjanjian negeri.

\* \* \*

Berkenaan dengan pertahanan dan keselamatan negeri pula diputuskan seperti ini: Kerja berkenaan dengan segala urusan pertahanan dan keselamatan dalam negeri akan dipegang oleh seseorang menteri anak negeri Tanah Melayu – jawatan ini akan dipegang oleh Ketua Menteri sendiri.

Ia akan menjadi pengerusi majlis yang akan mengelolakan perperangan melawan penganas-penganas komunis.

*Director Of Operation* akan terus mengelola pasukan-pasukan yang menjalankan perjuangan melawan penganas. Ia menjadi seorang anggota majlis yang mengelolakan perperangan itu.

Satu majlis pasukan-pasukan tentera *Federation* akan ditubuhkan; majlis ini akan menguruskan perkara-perkara

pasukan-pasukan tempatan.

\* \* \*

Akan dipinda perjanjian *Federation* kerana menukuhan:

(1) Suruhanjaya perkhidmatan awam yang bebas; (2) Suruhanjaya perkhidmatan keadilan yang bebas dengan mempunyai kuasa menjalankan kerja; (3) Suruhanjaya perkhidmatan polis dengan mempunyai kuasa menjalankan kerja; (4) Rancangan ganti rugi kerana kehilangan kerja; dan (5) Majlis pasukan-pasukan tentera *Federation*.

Berkenaan wang seorang Menteri Anak Negeri akan mengambil jawatan yang dipegang oleh setiausaha wang, dan tanggungannya itu mengandungi urusan pertukaran wang luar negeri. Mesyuarat di London itu telah membincangkan dengan sepenuhnya dan dengan tulus ikhlas kedudukan *Federation* dalam lingkungan Sterling. Wakil-wakil Tanah Melayu memberi pandangan bahawa Tanah Melayu dan lain-lain anggota Sterling akan bersama-sama mendapat faedah jika ia menjadi anggota lingkungan Sterling itu, dan kerajaan *Federation* itu lepas ia mencapai taraf kerajaan sendiri yang penuh.

Oleh kerana *Federation* mengambil bahagian dalam lingkungan Sterling, dan kerana perniagaan *Federation* itu adalah penting kepada lingkungan itu maka telah dipersetujui bahawa suara kerajaan *Federation*, yang dipilih oleh rakyat negeri, akan mendapat perhatian dan timbangan dalam perkara-perkara yang mengenai dasar lingkungan Sterling.

\* \* \*

Berkenaan pertahanan luar negeri: apabila *Federation* mencapai taraf perintahan sendiri yang penuh ia akan bertanggungjawab kerana pertahanan luar. Persetujuan telah didapati bahawa pada waktu itu satu perjanjian akan dibuat antara kerajaan British dengan kerajaan *Federation* yang mempunyai taraf pertahanan sendiri yang

penuh berkenaan dengan urusan-urusan perintahan dan bantu membantu dalam perkara pertahanan.

Kerajaan *Federation* akan memberi kepada kerajaan British hak menggunakan di Tanah Melayu pasukan-pasukan tentera yang dikehendaki kerana menunaikan kewajipan-kewajipan Commonwealth dan *International*, dan kerajaan British akan menolong kerajaan *Federation* dalam pertahanan luar negerinya.

Kerajaan British akan berunding dengan kerajaan *Federation* berkenaan dengan perkara menggunakan hak-haknya menurut perjanjian itu. Butir-butir perjanjian itu hendaklah dikaji oleh satu badan kerja Tanah Melayu, yang akan ditubuhkan seberapa lekas yang boleh, yang akan mengandungi beberapa orang wakil kerajaan British dan sama banyak wakil-wakil kerajaan *Federation*, termasuk seorang wakil Raja-raja Melayu.

Pengerusi badan kerja itu dicadangkan Pesuruhjaya Agung British di Asia Tenggara, dan kerajaan-kerajaan Australia dan New Zealand dijemput menghantar pemerhati-pemerhati menghadiri mesyuarat-mesyuaratnya.

\*

\*

\*

Oleh kerana ruangan ini sempit maka adalah sukar hendak mengulas satu-persatu hal-hal yang didapat oleh rombongan merdeka ke London itu. Merdeka 31 Ogos 1957 “seboleh-bolehnya” itu dipandang oleh sebahagian pihak adalah menunjukkan suatu kelemahan kepada maksud merdeka itu kerana “seboleh-bolehnya” atau “kalau boleh” yang dimaksudkan daripada perkataan Inggeris “*If Possible*” itu adalah memberi suatu tali yang panjang untuk mencapai kemerdekaan yang dikehendaki kerana kerajaan British kelak harus akan menyatakan “belum boleh” lagi; dan sudah tentu yang demikian akan mengecewakan umat. Pihak ini memandang bahawa dengan tali “kalau boleh” itu adalah sebagai suatu ukuran daripada kerajaan British untuk menyampaikan hasrat rakyat

yang jika ditahan kemahuan itu maka sudah tentu keadaaan tidak puas hati yang berbahaya akan timbul. Melaka menghendaki perkataan “kalau boleh” itu dibuang!

Sebaliknya boleh pula dipandang “kalau boleh” itu suatu kebijaksanaan yang digunakan oleh Tengku untuk melepaskan belenggu yang menunggu di hadapannya yang terikat di dalam ikrarnya dengan pihak Perikatan. Tengku harus mengetahui apabila merdeka diberi maka hak-hak anak dagang itu sudah tentu ada dan kelayakan mereka sudah barang tentu akan membolehkan mereka membolot jawatan-jawatan kerajaan yang dahulunya dibolot oleh orang-orang Melayu dan Inggeris sahaja. Yang demikian adalah suatu persaingan yang besar yang mustahak diperhati oleh Tengku dengan sifatnya sebagai orang yang berdarah Melayu. Kerana itu dengan perkataan “kalau boleh” atau “seboleh-bolehnya” itu dapatlah kelak

bagi Tengku memikirkan apakah kelak orang-orang Melayu akan dapat bahagian-bahagian yang utama, atau dapatkah Tengku kelak membuat dalih sekiranya kelayakan orang-orang Melayu belum mencukupi untuk memegang pertadbiran di negeri ini.

\*

\*

\*

Di dalam kesudahan rundingan di London itu – yang

tidak terdengar langsung ialah corak kebangsaan di Malaya nanti. Melayu-kah atau Malayan-kan. Hal ini tidak disebut-sebut dan Tengku hanya menerangkan di hadapan umum bahawa orang-orang Cina di Malaya Tunku bahagikan kepada tiga bahagian: Cina seperti M.C.A; (2) Cina Pro Koumintang dan (3) Cina Komunis; dan pula Tunku menyatakan kegemaran penuntut-penuntut Karbi megah sebagai Malayan.

Membahagikan Cina kepada tiga peringkat ini adalah sangat sukar. Di dalam M.C.A sendiri masih terlihat orang-orang yang Pro-Koumintang dan berdarah Koumintang sekalipun ia telah beberapa keturunan di sini. Ini terang dan zahir dengan nyatanya – dan sebaliknya itu pula kita melihat bahawa masih banyak orang-orang yang harus ada di dalam

pertubuhan itu yang cenderung atau bekerja dengan diam-diam membantu komunis. Sebab itu tidak ada yang lebih baik, menurut pandangan sebahagian orang, untuk menentukan ketaatan mereka selain daripda Tengku berterang-terang menyatakan bahawa kebangsaan bagi Malaya ialah bangsa Melayu seperti yang diciptakan oleh Putra-M.P.A.C.J.A dahulu.

\* \* \*

Tunku Abdul Rahman, di dalam kenyataannya kepada akhbar-akhbar di London, bahawa ia akan bekerja keras menghapuskan pengganas-pengganas komunis. Ia tidak menyatakan dengan apa caranya – adakah hanya dengan mengadakan kerahan-kerahan am sahaja dengan tidak disertai dakyah-dakyah menjauhkan orang-orang kita daripada dihinggapi oleh fahaman-fahaman itu. Kita berpendapat menghapuskan komunis di Malaya – tidak hanya di dalam persenjataan tetapi juga di dalam bahagian-bahagian lain terutamanya dicari ikhtiar-ikhtiar untuk membunuh propagandanya dan mengiktiarkan supaya orang-orang kita cinta dan mengerti kepada agamanya.

\* \* \*

Di Jogjakarta, Indonesia, telah terbentuk sebuah badan “Persatuan Wanita Berdiri Sendiri Hingga Cipta” dengan Nyonya Santo Suharsono sebagai ketuanya. Anggota badan ini terdiri dari wanita-wanita yang hidup di atas kaki sendiri atau yang tidak bersuami (janda atau wanita yang tidak akan bersuami) yang telah berusia sekurang-kurangnya 30 tahun.

Maksud badan ini ialah untuk menunjukkan kepada umum bahawa mereka itu dapat hidup di atas kaki sendiri dan mempunyai harga diri seperti juga wanita-wanita yang lain. Usaha mereka ialah untuk mendirikan syarikat bekerjasama, mendirikan kedai-kedai bagi melayani keperluan anggotanya hari-hari serta meluaskan pengetahuan dan seumpamanya.

Ini harus perkara baru bagi Malaya. Apakah

negeri-negeri yang banyak jandanya seperti di Kelantan atau di Singapura umpamanya tidak mahu mengikut teladan itu supaya tarafnya tetap sebagai wanita yang murni. Siapa yang bakal memulainya akan kita lihat kelak. Berdiri sendiri lebih baik daripada bergantung kepada suami yang tidak mengendahkan rumah tangganya, bukan?

\* \* \*

Seorang yang menamakan dirinya “Romeo” telah menulis di dalam majalahnya memarahi kita kerana tidak mengemari Chin Peng dibeliaukan dan oleh demikian ia menuduh bahawa hanya orang-orang dari negeri Singa berjuang dan dari negeri Unta sahaja yang kita beliaukan dengan ditambah lagi dengan kata-kata *Sahib al-Fadhilah* dan dicium pula tangannya hingga pusatnya. Pakai cium-cium itu biasanya dilakukan oleh Romeo yang jatuh cinta kepada Juliet lalu membuat . . . kerana mengikut nafsunya seperti juga yang dituduhnya.

Cuba perhatikan – pangkat-pangkat *Sahib al-Fadhilah* itu tidak dimestikan kepada golongan-golongan yang tertentu tetapi kepada ahli-ahli agama bukannya sahaja orang-orang yang berasal dari negeri Unta tetapi dari negeri Kerbau pun (mengikut istilah Romeo) akan mendapat gelaran *Sahib al-Fadhilah* jika ia berilmu di dalam perkara agama. Tetapi kalau Chin Peng hendak digelarnya *Sahib al-Fadhilah* maka sudah tentu orang-orang Islam tidak mahu menerimanya. Orang-orang yang mengagung-agungkan atau yang jadi pengikut Chin Peng sahaja yang bakal berkata “*Sahib al-Fadhilah*” Chin Peng kerana ia telah menjadi pengikutnya. Sedang dibeliaukan sahaja orang tidak gemar apa lagi di *Sahib al-Fadhilah-kan*, kecuali kalau ia ulama Islam baharu begitu bung! Kalau awak orang Komunis atau pengikut Komunis sahaja baharu tak senang kalau Chin Peng tidak dibeliaukan – tidakkah begitu?